



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### **PERTANYAAN MEDIA MENGENAI 'ULAT' TAWAR JUAL PEKERJA ASING PADA AGENSI BERLESEN**

---

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa mengambil tindakan proaktif dan tegas dalam membanteras kegiatan 'Ulat' tawar jual pekerja asing kepada agensi berlesen. KSM menegaskan bahawa kegiatan ini tidak boleh diterima dan bertentangan dengan undang-undang.
2. KSM memandang serius laporan dan aduan berkaitan isu sindiket jual pekerja asing ini dan akan memastikan keadilan dan kebajikan pekerja asing di negara ini terjamin sepenuhnya bagi menjaga imej dan kredibiliti Malaysia sebagai sebuah negara yang bertanggungjawab dalam menguruskan pekerja asing.
3. KSM tidak akan bertoleransi terhadap sebarang kegiatan yang melanggar undang-undang atau mengancam kebajikan pekerja asing di negara ini. KSM juga mengambil inisiatif untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang risiko dan akibat yang dihadapi oleh individu atau syarikat yang terlibat dalam kegiatan yang tidak bermoral dan menyalahi undang-undang ini.
4. Justeru, KSM menyeru semua pihak untuk melaporkan sebarang kes yang mencurigakan atau melibatkan penyalahgunaan pekerja asing kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
20 JUN 2023**